

01 MAY 2001

Mahathir-Anwar

MAHATHIR TEGASKAN SAKIT TULANG BELAKANG ANWAR BOLEH DIUBATI DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri berkata sakit tulang belakang yang dialami Datuk Seri Anwar Ibrahim bukanlah sesuatu yang pelik dan hanya boleh dirawat di luar negara oleh seorang sahaja doktor daripada 6 bilion penduduk dunia.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia mempunyai doktor-doktor pakar dan peralatan perubatan serta pembedahan yang mampu mengendalikan pembedahan tulang belakang terhadap Anwar dengan baik.

"Jadi tak usah cakaplah kononnya di Malaysia ini tak boleh buat. Ini bohong, ini politik. Macam juga hari itu dia tuduh kita bagi racun kat dia, ini bohong semua," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perhimpunan Hari Pekerja 2001 Bagi Anggota Sektor Awam di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata keputusan kerajaan untuk tidak membenarkan Anwar menjalani rawatan di luar negara adalah muktamad tetapi ini tidak bermakna kerajaan tidak mempunyai perasaan belas kasihan terhadapnya.

Beliau diminta mengulas rayuan kepada kerajaan yang terkandung dalam satu surat yang ditandatangani 108 rakyat Malaysia pelbagai profesion, latar belakang dan umur, supaya Anwar dibenarkan menjalani rawatan di luar negara.

Anwar yang kini menjalani hukuman penjara 15 tahun selepas didapati bersalah atas tuduhan rasuah dan perbuatan liwat, telah dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur sejak November kerana sakit tulang belakang.

Dr Mahathir turut ditanya sama ada terdapat kemungkinan Anwar mempunyai niat mendapatkan perlindungan politik dalam hasratnya berubat di luar negara.

Katanya: "Apa niat dia kita tak tahu, kita tak peduli dan kita tak soal tentang niat dia. Tetapi hakikatnya ialah penyakit itu boleh diubati di Malaysia. Kalau tidak secara pembedahan, secara konservatif pun boleh juga."

Perdana Menteri berkata seorang kakitangan kerajaan yang ingin mendapatkan rawatan di luar negara pun perlu mendapatkan pengesahan doktor bahawa ia tidak boleh dilakukan di Malaysia.

"Doktor di sini berpendapat dia (Anwar) boleh dirawat dalam negeri dan (yang) dia hendak pergi ke luar negeri ini pasal apa? Pasal apa (kenapa) dia hendak jadi satu orang yang begitu 'privileged' (istimewa) sedangkan dia seorang banduan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata ramai rakyat Malaysia yang mengalami jenis sakit yang sama seperti Anwar berjaya dirawat oleh doktor tempatan.

Dr Mahathir turut menyelar tindakan pakar bedah Jerman yang dipilih Anwar, Dr Thomas Hoogland, ketika berkunjung ke Malaysia baru-baru ini, telah memperlekehkan kemudahan hospital tempatan termasuk menyamakan dewan pembedahan yang dilihatnya dengan sebuah dapur.

"Dia (Dr Hoogland) kata kononnya operation theatre kita macam dapur. Ini satu insult (penghinaan). Saya sendiri pernah dibedah lebih teruk (serius) lagi daripada pembedahan (tulang) belakang orang," kata Dr Mahathir yang merujuk kepada pembedahan jantung yang dilaluinya di Institut Jantung Negara satu ketika dulu.

Perdana Menteri turut menyangkal dakwaan Dr Hoogland kononnya peralatan perubatannya tidak boleh dibawa ke Malaysia melalui kapal terbang.

Ditanya tentang laporan bahawa anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Beserah Datuk Fauzi Abdul Rahman ialah antara mereka yang menandatangani surat rayuan itu, Dr Mahathir berkata: "Fauzi adalah kawan akrab dia

(Anwar), orang yang baik dengan dia memanglah..."
-- BERNAMA
MAM ES RON